

KEMEPN PILIHAN RAYA UMUM SINGAPURA

Peraturan berkempen semasa pandemik Covid-19

Jabatan Pilihan Raya telah mengumumkan garis panduan berkempen bagi Pilihan Raya Umum (GE) akan datang, jika ia diadakan dalam Fasa Kedua pembukaan semula negara.

Tiada rapat fizikal

- Calon boleh adakan siaran langsung menerusi rapat dalam talian (e-rapat) dan kegiatan berkempen lain di dalam talian
- Mereka ada pilihan guna tempat awam yang disedia pemerintah bagi calon lakukan siaran langsung menerusi wadah yang diisythihar

Masa tambahan di televisyen nasional bagi parti politik dan calon

- Siaran politik bagi kawasan undi (Baru):
- 3 minit bagi setiap calon SMC, 12-15 minit bagi calon GRC
- Disiarkan di Channel 5 Mediacorp
- Tidak termasuk 2 siaran politik parti di 19 saluran televisyen atau radio

Lawatan ke estet dan kunjungan ke rumah

- Dibenarkan, tetapi tidak lebih 5 orang bagi setiap kumpulan, kumpulan berbeza tidak boleh bercampur
- Setiap kumpulan harus berada 1m dari kumpulan lain
- Kurangkan kontak fizikal, elak berjabat tangan

Penyokong tidak dibenar berhimpun

- Penyokong tidak dibenar berhimpun di pusat penamaan calon atau pusat perhimpunan pada Hari Mengundi
- Mereka boleh ikuti prosiding di televisyen/Internet

Penggunaan kenderaan berkempen

- Bagi berkempen sahaja, calon tidak dibenarkan bercakap, adakan siaran langsung / siar muzik atau video
- Tiada perarakan guna kenderaan untuk ucap terima kasih selepas Hari Mengundi
- Sepanduk & poster dibenarkan